

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk sebelum Anda memutuskan untuk menyertai AIA i-Starter Plan, Sila pastikan juga Anda membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Produk apakah ini?

AIA i-Starter Plan adalah pelan Takaful keluarga bertempoh 1 tahun, yang menyediakan perlindungan ke atas kematian.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Wakalah - kontrak di antara peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (sebagai pengendali Takaful) di mana peserta memberi kebenaran kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd. untuk bertindak bagi pihaknya di dalam mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan operasi Takaful yang termasuk pengunderitan, pelaburan, perkhidmatan sijil dan pemprosesan tuntutan. AIA PUBLIC Takaful Bhd. akan mengambil sebahagian daripada caruman peserta sebagai yuran *Wakalah* sebagai upah untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan ini. Di dalam menjalankan semua tanggungjawab di bawah kontrak *Wakalah*, AIA PUBLIC Takaful Bhd. mungkin akan mewakilkan atau melibatkan mana-mana pihak ketiga untuk melakukan tugas-tugas yang berkenaan dengan operasi Takaful.

Tabarru' - kontrak yang digunakan di antara para peserta. Ia merupakan amaun bersih caruman Takaful selepas tolakan yuran *Wakalah* di mana ia akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta sebagai suatu derma bagi tujuan bantuan dan pertolongan bersama kepada peserta-peserta yang memerlukan. Kadar *Tabarru'* adalah tidak dijamin dan peserta mungkin perlu membuat bayaran caruman Takaful tambahan sekiranya terdapat perubahan kepada kadar *Tabarru'*.

Ju'alah - kontrak ganjaran di antara peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. di mana AIA PUBLIC Takaful Bhd. layak ke atas 50% daripada lebihan daripada Dana Risiko Peserta sebagai *Ujrah* (yuran prestasi) kerana menguruskan dana dengan efisien sehingga membawa kepada lebihan.

Qard - kontrak pinjaman tanpa faedah di mana AIA PUBLIC Takaful Bhd. memberikan pinjaman tanpa faedah kepada Dana Risiko Peserta sekiranya ia mengalami defisit dan tidak membayar faedah-faedah Takaful kepada peserta-peserta yang layak. Amaun ini akan diambil semula daripada Dana Risiko Peserta apabila Dana Risiko Peserta kembali cukup, sebelum sebarang pengagihan lebihan dibuat.

3. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Pelan ini menawarkan:

Keterangan	Faedah
Kematian	RM <Basic Sum Covered>

Tempoh perlindungan: 1 tahun

4. Berapakah caruman yang harus saya bayar?

Caruman yang Anda perlu bayar: RM <X,XXX.XX> (<Payment Frequency>).

Tempoh Caruman: 1 tahun.

Anda harus memastikan bahawa Anda mampu membayar Caruman yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya kena bayar?

- (a) Yuran *Wakalah* akan ditolak dahulu sebagai peratusan daripada Caruman untuk membayar perbelanjaan pengurusan kami.
- (b) Pelan ini tidak mempunyai sebarang komisen dan tiada perantara yang terlibat dalam pemasaran pelan AIA i-Starter Plan.

- (c) Selepas yuran *Wakalah* ditolak, baki Caruman yang dibayar akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai *Tabarru'* yang bertujuan untuk memberi perlindungan dan membayar tuntutan untuk peristiwa/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. *Tabarru'* akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Anda.

Jadual di bawah menunjukkan peruntukan Caruman:

Tahun Sijil		1
Caruman	RM	<XXX.XX>
Yuran Wakalah	%	40%
	RM	<XXX.XX>
Peruntukan Caruman ke dalam DRP (Tabarru')	%	60%
	RM	<XXX.XX>

Nota:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk penerangan lanjut mengenai yuran dan caj-caj di bawah pelan ini.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- (a) **Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Anda dengan betul.
- (b) **Tempoh Percubaan** - Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan memberi permintaan bertulis yang ditandatangani oleh anda kepada kami di dalam tempoh lima belas (15) hari selepas kontrak e-sijil anda telah tersedia di portal pelanggan AIA. Caruman yang Anda telah bayar akan dipulangkan balik kepada Anda.
- (c) **Tempoh Ihsan** - Anda mempunyai 31 hari daripada setiap tarikh caruman perlu dibayar untuk membayar caruman bagi Sijil Takaful. Sijil Takaful akan kekal berkuatkuasa semasa tempoh ini. Jika Caruman masih tidak dibayar pada akhir Tempoh Ihsan ini, Sijil Takaful ini akan luput.
- (d) **Prosedur Tuntutan** - Sila rujuk laman web AIA untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- (e) **Penamaan** - Anda digalakkan untuk melantik penama bagi permohonan Takaful anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Sila pastikan penama anda mengetahui Sijil Takaful yang telah anda sertai.

Nota:

- (i) Ia adalah tidak menguntungkan untuk menukar dari satu pelan Takaful ke pelan yang lain, kerana Anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru dan tempoh menunggu bagi Sijil Takaful yang baru.
- (ii) Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk butiran lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Kandungan di dalam Sijil Takaful akan terpakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Helaian Pendedahan Produk dan Sijil Takaful.
- (iii) Sila ambil perhatian bahawa caruman yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah Sijil ini?

Sebarang tuntutan kematian yang timbul daripada peristiwa berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana kemudian. Liabiliti kami adalah terhad kepada pembayaran balik caruman tanpa keuntungan. Setelah itu, Sijil ini akan ditamatkan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen Sijil Takaful untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya di bawah Sijil ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?

Anda boleh membatalkan/menyerahkan Sijil Takaful Anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Apabila Sijil Takaful dibatalkan/diserahkan selepas Tempoh Percubaan, Caruman yang belum digunakan dari DRP dan Yuran Wakalah yang belum diperolehi dari dana Pengendali Takaful (jika ada) akan dibayar kepada Peserta, tertakluk jika tiada sebarang tuntutan dilakukan bagi Sijil ini.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir peribadi saya bertukar?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran kepada butir-butir peribadi Anda seperti alamat Anda atau e-mel bagi memastikan kami dapat memaklumkan sebarang maklumat penting kepada anda. Anda juga perlu memaklumkan kami mengenai sebarang pertukaran alamat penama-penama Anda bagi memudahkan pembayaran tuntutan.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga atau Perlindungan Tenang, sila layari www.mycoverage.my atau laman web kami di AIA.COM.MY.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

AIA PUBLIC Takaful Bhd. 201101007816 (935955-M)
Menara AIA, 99, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1300-88-8922
Tel: 03-2056 1111
Emel: my.pdsenquiry@aia.com
Laman web: AIA.COM.MY

Pelan Takaful ini diunderitkan oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd., Pengendali Takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Produk-produk sedia ada lain yang serupa

Sila hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau layari laman web kami di AIA.COM.MY untuk produk-produk sejenis lain yang kami tawarkan.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN DIRI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN MENGHUBUNGI AIA PUBLIC TAKAFUL BHD. SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH LANJUT.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SIJIL TAKAFUL. SILA RUJUK PADA KONTRAK SIJIL BAGI MAKLUMAT PUENUH BERKENaan SIJIL TAKAFUL.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil / produk takaful yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah setakat <MM/DD/YYYY>